

Kerajaan sedia kaji guru aktif politik

SUBANG, Selasa – Kerajaan sedia mengkaji kemungkinan melonggarkan syarat bagi membenarkan guru dalam kumpulan A aktif dalam politik untuk mengatasi masalah kekurangan pemimpin di kawasan luar bandar.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata satu masa dahulu guru memainkan peranan penting dalam politik tetapi

ia terhalang apabila peraturan kerajaan tidak membenarkan kakitangan Kumpulan A mengambil bahagian dalam politik.

“Kita boleh kaji kemungkinan itu,” katanya di sini hari sekembalinya daripada menghadiri Sidang Puncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Casablanca, Maghribi. Dr Mahathir juga melakukan lawatan ke Zagreb, Croatia.